

PRINSIP *HIFZ AL-NASL* DAN *HIFZ AL-`IRD* DALAM PEMBENTUKAN KELUARGA SEJAHTERA

The Principle of *Hifz al-Nasl* and *Hifz al-`Ird* in the Formation of a Flourishing Family

**Muhammad Safwan Harun*, Afifhadi Marjohan*,
Zainuddin Syarif****

*Jabatan Fiqh-USul & Sains Gunaan, Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

**Universitas Islam Negeri Madura, Kabupaten Pamekasan,
Madura, Jawa Timur, Indonesia

*(Corresponding author) e-mail:
safone_15@um.edu.my & afifhadi0156@gmail.com

DOI: <https://doi.org/10.22452/syariah.vol33no3.2>

ABSTRACT

The family is a fundamental institution in the formation of a prosperous society. However, the Islamic family institution today faces various challenges, such as rising divorce rates, illegitimate marriages and moral crises affecting the younger generation. Statistics show that over 62,890 divorce cases were reported in 2022, while more than 67,620 illegitimate births were recorded over the past five years. In this context, the formation of a well-being family represents the realization of the maqāṣid al-sharī'ah, particularly the principles of hifz al-nasl (preservation of lineage) and hifz al-`ird (preservation of dignity). Therefore, this study aims to analyze the concept of maqāṣid al-sharī'ah in the context of forming a prosperous

family by focusing on these two key principles: ḥifẓ al-nasl and ḥifẓ al-`ird. The research methodology is qualitative, using library research through content analysis. The findings show that the application of the principles of ḥifẓ al-nasl and ḥifẓ al-`ird through legislation and family institutions can strengthen household structures while reducing social problems. In conclusion, maqāṣid al-sharī`ah is not merely a theoretical framework but also a practical solution to contemporary family challenges. Thus, empowering Islamic family education and strengthening policies based on maqāṣid al-sharī`ah should be prioritized to ensure the well-being of family institutions in modern society.

Keywords: *maqāṣid al-sharī`ah, family well-being, ḥifẓ al-nasl, ḥifẓ al-`ird, Islamic family institution*

ABSTRAK

Keluarga merupakan institusi asas dalam pembentukan masyarakat yang sejahtera. Namun, institusi keluarga Islam kini menghadapi pelbagai cabaran seperti peningkatan kadar perceraian, perkahwinan tidak sah serta krisis moral yang melanda generasi muda. Statistik menunjukkan lebih 62,890 kes perceraian dilaporkan pada 2022, manakala lebih 67,620 kelahiran anak tidak sah taraf direkodkan sepanjang lima tahun terakhir. Dalam situasi ini, pembentukan keluarga sejahtera ialah manifestasi daripada pencapaian maqāṣid al-sharī`ah, khususnya prinsip ḥifẓ al-nasl (pemeliharaan keturunan) dan ḥifẓ al-`ird (pemeliharaan maruah). Oleh itu, kajian ini bertujuan menganalisis konsep maqāṣid al-sharī`ah dalam konteks pembentukan keluarga sejahtera dengan memberi tumpuan kepada dua prinsip utama, iaitu ḥifẓ al-nasl dan ḥifẓ al-`ird. Metodologi kajian adalah secara kualitatif dengan menggunakan kaedah perpustakaan melalui analisis kandungan. Hasil kajian menunjukkan bahawa penerapan prinsip ḥifẓ al-nasl dan ḥifẓ al-`ird melalui perundangan serta institusi kekeluargaan mampu mengukuhkan struktur rumah tangga di samping mengurangkan masalah sosial. Sebagai rumusan, maqāṣid al-sharī`ah bukan sekadar teori, tetapi juga

penyelesaian praktikal bagi menghadapi cabaran kekeluargaan masa kini. Justeru, pemerkasaan pendidikan keluarga Islam dan pengukuhan dasar berteraskan maqāṣid al-sharīʿah perlu diberi perhatian bagi memastikan kesejahteraan institusi keluarga dalam masyarakat moden.

Kata Kunci: *maqāṣid al-sharīʿah*, keluarga sejahtera, *ḥifẓ al-nasl*, *ḥifẓ al-ʿird*, institusi kekeluargaan Islam

PENDAHULUAN

Pembentukan keluarga sejahtera merupakan antara tuntutan asas dalam Islam yang memberi kesan langsung terhadap pembinaan masyarakat yang stabil dan berakhlak. Dalam hal ini, keluarga bukan sekadar madrasah awal bagi pembentukan sahsiah individu, malah berperanan sebagai medan utama untuk penerapan nilai agama, penanaman tanggungjawab sosial serta pencorakan identiti ummah. Oleh itu, syarak menyediakan garis panduan yang jelas bagi menjamin kelangsungan institusi kekeluargaan agar ia sentiasa selari dengan prinsip-prinsip *maqāṣid* yang menjamin kemaslahatan insan secara menyeluruh.¹

Antara prinsip utama dalam kerangka *maqāṣid al-sharīʿah* yang berkait rapat dengan institusi keluarga ialah *ḥifẓ al-nasl* (pemeliharaan keturunan) dan *ḥifẓ al-ʿird* (pemeliharaan maruah). Kedua-dua prinsip ini memainkan peranan penting bagi menjamin kebahagiaan rumah tangga serta melindungi kehormatan suami isteri daripada kerosakan moral dan sosial.² Maka, para ulama seperti al-Qarrafi, al-Ṭūfi dan Tāj al-Dīn al-Subkī menekankan bahawa pemeliharaan keturunan dan maruah merupakan sebahagian daripada *maqāṣid al-ḍarūriyyah* yang menjadi asas kepada pembinaan tamadun yang berjaya.³

¹ Osman Bakar. "Family Values, the Family Institution, and the Challenges of the Twenty-First Century: An Islamic Perspective." *ICR Journal* 3, no. 1 (2011): 27.

² Aziddin Harahap. "Analysis of the Role of Parents in Early Childhood Islamic Religious Education in the Family Environment." *Edukasi Islami: Jurnal Pendidikan Islam* 12, no. 4 (2023): 2810.

³ Abū al-ʿAbbās Aḥmad bin Idrīs al-Qarrafi. *Sharḥ Tanqīḥ al-Fuṣūl fī Ikhtisār al-Maḥṣūl fī al-Uṣūl*. Beirut: Dār al-Fikr, 2004, 304. Abī al-Rabī Sulaimān al-Ṭūfi. *Sharḥ Mukhtaṣar al-Rawḍah*. Edited by ʿAbdullāh bin ʿAbd al-Muḥsin al-Turkī. Vol. 3, Riyadh: Muʿassasah al-Risālah, 1998, 209. ʿAbd al-Wahhāb Ibn ʿAlī Ibn

Namun begitu, institusi keluarga pada hari ini berhadapan dengan pelbagai cabaran yang mengancam keharmonianannya. Berdasarkan laporan Jabatan Perangkaan Malaysia, terdapat peningkatan kes perceraian sebanyak 43.1% pada tahun 2022 berbanding tahun sebelumnya, dengan 62,890 kes direkodkan melibatkan pasangan Islam.⁴ Selain itu, fenomena kehamilan luar nikah, peningkatan jumlah kes pembuangan bayi dan gaya hidup *childfree* memperlihatkan kegagalan penghayatan nilai *maqāsid* dalam masyarakat.⁵ Hal ini memberi gambaran bahawa asas-asas *maqāsid* yang berkaitan dengan kekeluargaan semakin terhakis atau lebih tepat tidak difahami dan memerlukan perhatian yang serius.

Tambahan pula, nilai maruah dan kehormatan diri yang menjadi teras dalam prinsip *hifz al-`ird* semakin dicabar oleh ideologi liberal yang mengutamakan kebebasan peribadi tanpa batas agama. Hal ini membawa kepada normalisasi pergaulan bebas dan penolakan terhadap hubungan perkahwinan.⁶ Dengan demikian, perlindungan terhadap maruah tidak boleh dilihat semata-mata sebagai isu individu, tetapi sebagai satu elemen penting dalam memelihara struktur sosial menurut kerangka *maqāsid*.

Maka, prinsip *hifz al-nasl* dan *hifz al-`ird* wajar difahami dan ditafsirkan secara lebih menyeluruh, dengan mengambil kira dimensi moral dan sosial yang relevan dalam menghadapi cabaran moden terhadap institusi keluarga. Pemahaman *maqāsid* yang menyeluruh serta kontekstual amat diperlukan agar institusi keluarga Muslim terus berperanan melahirkan

al-Subkī. *Jam`u al-Jawāmi` fi Uṣūl al-Fiqh*. Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, 2003, 92. Nama-nama tersebut adalah antara ulama yang memasukkan aspek *hifz al-`ird* sebagai *maqāsid* keenam dalam *maqāsid al-kulliyah*.

⁴ Anis Zalani. "Stats Dept: Divorces in Malaysia up 43pc in 2022, Marriages Marginally Down." *malaymail*, 23 November 2023. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/11/23/stats-dept-divorces-in-malaysia-up-43pc-in-2022-marriages-marginally-down/103752>.

⁵ Mhd Sufi'y, M. Muslih & Ahmad Khotim. "Implikasi Maqasid Syariah Terhadap Pilihan Reproduksi: Studi Tentang Childfree di Era Modern." *Bulletin of Islamic Law* 1, no. 2 (2024): 76.

⁶ Halim Mokhtar. "Jauhi Zina – Elak Dosa Berulang." (2023). Accessed 10 April 2025. <https://mais.gov.my/e-edisi/jauhi-zina-elak-dosa-berulang/>.

generasi berakhlak dan bertanggungjawab dalam persekitaran masyarakat yang semakin kompleks.⁷

Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk meneliti peranan prinsip *maqāsid al-sharī'ah* dalam menyediakan penyelesaian praktikal terhadap masalah yang dihadapi oleh keluarga-keluarga pada era moden, terutamanya dalam menghadapi perubahan sosial, ekonomi dan budaya yang pesat. Justeru, penekanan terhadap prinsip *hifz al-nasl* dan *hifz al-'ird* diharapkan dapat memulihkan peranan institusi keluarga sebagai asas utama dalam pembentukan masyarakat yang harmoni dan bertanggungjawab.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah pengumpulan data melalui kajian perpustakaan yang melibatkan penilaian terhadap bahan-bahan ilmiah seperti buku klasik dan kontemporari, artikel jurnal, tesis, disertasi serta laporan institusi. Pengumpulan data literatur dijalankan melalui carian ke atas pangkalan data seperti JSTOR, Scopus, Google Scholar, MyCite dan ResearchGate. Selain itu, maklumat turut diperolehi daripada laman web berautoriti untuk mendapatkan data berkaitan institusi kekeluargaan Islam, dasar keluarga negara serta statistik perkahwinan dan perceraian. Dalam pada itu, sumber data terbahagi kepada dua kategori utama iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer merangkumi karya-karya muftabar sama ada klasik ataupun kontemporari dalam bidang *maqāsid al-sharī'ah*. Manakala, sumber sekunder pula terdiri daripada kajian-kajian lepas, artikel jurnal, tesis, laporan institusi dan sumber digital yang berkaitan dengan pembangunan keluarga Islam. Seterusnya, data-data tersebut dianalisis melalui analisis kandungan secara induktif, deduktif dan komparatif. Kaedah induktif digunakan bagi mengenal pasti tema dan nilai yang berkaitan dengan prinsip *hifz al-nasl* dan *hifz al-'ird*. Kaedah deduktif pula digunakan bagi meneliti aplikasi prinsip-prinsip tersebut dalam konteks cabaran institusi keluarga semasa. Begitu juga, pendekatan komparatif digunakan untuk menganalisis perbezaan fokus dan cakupan kedua-dua prinsip tersebut dari segi dimensi perlindungan,

⁷ Abdul Ghafar bin Don, Anuar Puteh & Ahmad Irdha Mokhtar. "Da'wah Maqasid al-Syariah in Nurturing Community Well-Being: Dakwah Maqasid al-Shari'ah dalam Memupuk Kesejahteraan Masyarakat." *Jurnal Pengajian Islam* 15, no. 1 (2022): 252.

ruang aplikasi serta implikasinya terhadap pihak-pihak yang terlibat dalam institusi keluarga.

KONSEP KELUARGA SEJAHTERA MENURUT ISLAM

Dari segi bahasa, perkataan “sejahtera” membawa maksud aman, makmur dan sentosa.⁸ Dalam konteks kekeluargaan Islam, keluarga sejahtera merujuk kepada keluarga yang hidup dalam suasana harmoni, penuh kasih sayang, saling memahami dan menjalankan tanggungjawab masing-masing berpandukan nilai-nilai agama.⁹ Al-Quran menggambarkan matlamat utama perkahwinan sebagai suatu jalan untuk mencapai ketenteraman jiwa dan mencipta hubungan yang berasaskan kasih sayang dan rahmat, firman Allah SWT:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً ۗ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

“Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri daripada jenis kamu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya dan dijadikan-Nya di antaramu rasa kasih (mawaddah) dan sayang (rahmah). Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir.”

(Surah al-Rūm, 30: 21)

Secara umumnya, terdapat beberapa prinsip yang mendasari pembentukan institusi keluarga sejahtera menurut perspektif Islam. Antaranya, keimanan dan ketakwaan, sebagai aspek yang paling utama. Hal ini demikian kerana, keutuhan iman pada diri setiap anggota keluarga, khususnya kedua-dua ibu bapa, memainkan peranan yang signifikan dalam membentuk corak kehidupan serta pendekatan mereka terhadap pendidikan

⁸ Dewan Bahasa dan Pustaka. *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005, 1327.

⁹ Siti Shamsiah binti Md Supi. "Keluarga Sejahtera Asas Pembinaan Negara Madani." (2023). Accessed 12 April 2025. <https://www.ikim.gov.my/keluarga-sejahtera-asas-pembinaan-negara-madani/>

anak-anak.¹⁰ Mengenai hal ini, menurut Imam al-Ghazālī, tanggungjawab memberikan pendidikan agama kepada anak-anak terletak di bahu ibu bapa. Justeru, aspek ini merupakan asas utama kepada kesejahteraan serta keharmonian sesebuah keluarga.¹¹

Selain itu, struktur peranan yang jelas bagi sesebuah institusi kekeluargaan. Pada asasnya, suami diberikan tanggungjawab sebagai ketua keluarga yang memimpin, membimbing serta menyediakan nafkah demi kesejahteraan ahli keluarganya. Dalam waktu yang sama, isteri pula memainkan peranan penting sebagai pengurus rumah tangga dan pendidik utama anak-anak, khususnya pada peringkat awal pembentukan sahsiah.¹² Meskipun terdapat pembahagian tanggungjawab yang berbeza, struktur ini tidak bersifat hierarki mutlak, iaitu bukan suatu sistem kuasa sepihak yang menafikan suara atau peranan pasangan. Sebaliknya, Islam menekankan prinsip saling melengkapi, tolong ansur dan kerjasama bagi menjamin keharmonian serta kelangsungan hidup berkeluarga.¹³ Seterusnya, penekanan terhadap nilai kesopanan dan kesantunan juga adalah amat penting bagi memperkukuh kehidupan berkeluarga.¹⁴ Merujuk kepada perkara tersebut, Rasulullah SAW merupakan teladan terbaik yang memperlakukan ahli keluarganya dengan penuh kelembutan dan penghormatan.¹⁵ Hal ini mencerminkan kepentingan hubungan emosional bagi membentuk suasana rumah tangga yang tenteram.

¹⁰ Wan Mohd Yusuf Wan Chik et al. "Konsep Kesejahteraan Keluarga menurut Hadis al-Sa'adah." *Asian People Journal (APJ)* 1, no. 2 (2018): 94.

¹¹ Alhafiz Kurniawan. "Cara Efektif Mendidik Anak menurut Imam al-Ghazali." (2023). Accessed 12 April 2025. <https://islam.nu.or.id/nikah-keluarga/cara-efektif-mendidik-anak-menurut-imam-al-ghazali-MSSq0>.

¹² Pitrotussaadah, Eva Fadhilah & Faisal Zulfikar. "Islamic Law and Gender: A Misconception of Roles and Responsibilities in Parenting." *De Jure: Jurnal Hukum dan Syari'ah* 15, no. 2 (2023): 337.

¹³ Sumayyah & Sigit Haryanto. "Parenting in the Qur'anic Perspective." *Jurnal Varidika* 32, no. 2 (2020): 88.

¹⁴ Hasanah & Siti Salmi. "Nilai Edukasi Kasih Sayang dalam Kehidupan Rumah Tangga Rasulullah SAW." *Jurnal Dedikasi Pendidikan* 1, no. 2 (2017): 196.

¹⁵ Daripada `Aishah RA berkata, Rasulullah SAW bersabda:

خَيْرُكُمْ خَيْرُكُمْ لِأَهْلِهِ، وَأَنَا خَيْرُكُمْ لِأَهْلِي

“Sebaik-baik kalian ialah orang yang paling baik terhadap keluarganya, dan aku adalah yang paling baik antara kalian terhadap keluargaku.”

Di samping itu, keharmonian sesebuah keluarga turut dipengaruhi oleh tahap penghayatan ajaran Islam dalam kehidupan seharian. Kajian menunjukkan bahawa pasangan Muslim yang mengutamakan penerapan nilai keagamaan bagi menyelesaikan konflik rumah tangga lebih cenderung untuk membentuk institusi keluarga yang sejahtera dan berdaya tahan.¹⁶ Sementara itu, aspek kerohanian juga memainkan peranan penting ke arah menjamin kebahagiaan. Dalam konteks tersebut, amalan ibadah secara berjemaah dengan ahli keluarga seperti solat, tazkirah dan bacaan al-Quran didapati mampu mengukuhkan hubungan sesama anggota serta mengurangkan tekanan emosi yang dihadapi.¹⁷ Ringkasnya, pendekatan spiritual ini bukan sahaja memperkukuh dimensi rohani, malah turut menyumbang kepada kestabilan psikologi bagi keluarga yang mengamalkannya.

Malah, pendidikan anak-anak juga merupakan elemen asas dalam pembentukan keluarga yang sejahtera. Hal ini demikian kerana, anak-anak dianggap sebagai amanah Ilahi yang perlu dijaga dan dibentuk secara menyeluruh. Oleh kerana itu, konsep tarbiah dalam Islam bukan sahaja melibatkan pencapaian akademik, tetapi turut merangkumi aspek pembangunan sahsiah dan akhlak mulia.¹⁸ Hakikatnya, keluarga Muslim yang sejahtera ialah keluarga yang komited dalam mendidik anak-anak dengan nilai-nilai Islam secara konsisten.¹⁹ Hal ini demi memastikan agar mereka dapat membesar menjadi individu yang berintegriti serta bertanggungjawab terhadap agama, masyarakat dan negara.

(Riwayat al-Tirmizī)

Status hadis di atas ialah *ḥasan ṣaḥīḥ*.

¹⁶ Safinah Ismail et al. "Nilai Teladan Ibu Bapa dalam Pembentukan Anak-Anak Cinta Masjid: The Value of Parents' Examples in the Formation of Children's Love of the Masjid." *International Journal of Mosque, Zakat and Waqaf Management (Al-Mimbar)* 4, no. 1 (2024): 29.

¹⁷ Ibid., 31.

¹⁸ Misran. "Pendidikan Anak dalam Keluarga (Suatu Kajian dalam Perspektif Gender)." *Takammul: Jurnal Studi Gender dan Islam Serta Perlindungan Anak* 10, no. 1 (2021): 30.

¹⁹ Prasutia, Putri Reginata & Nina Nursari. "Konsep Tarbiyah Rabbaniyah dalam Keluarga Menurut al-Qur'an dan Relevansinya Terhadap Pola Asuh Anak Berlandaskan Ajaran Islam." *Islamica* 8, no. 1 (2024): 15.

Tuntasnya, konsep keluarga sejahtera menurut perspektif Islam melibatkan kesejahteraan jasmani, rohani, emosi dan intelektual yang dibina atas dasar keimanan, kasih sayang, tanggungjawab serta pendidikan yang seimbang. Sehubungan dengan itu, institusi keluarga yang berlandaskan prinsip-prinsip ini mampu mewujudkan kebahagiaan, sekaligus menjadi penanda aras kepada kestabilan sosial dan pembinaan tamadun yang berjaya. Justeru, usaha memperkukuh institusi keluarga Islam perlu dijadikan keutamaan bagi merancang pembangunan masyarakat yang inklusif.

Rajah 1: Teras Pembinaan Keluarga Harmoni



Sumber: Rumusan pengkaji.

PERANAN *MAQĀSĪD AL-SHARĪAH* DALAM MENGUKUHKAN INSTITUSI KELUARGA

Maqāsid al-sharī'ah merupakan kerangka objektif dalam syariat Islam yang dirumuskan untuk memelihara kesejahteraan manusia secara menyeluruh. Lima prinsip utama (*al-kulliyāt al-khams*) yang digariskan iaitu pemeliharaan agama (*hifz al-dīn*), nyawa (*hifz al-nafs*), akal (*hifz al-'aql*), keturunan (*hifz al-nasl*) dan harta (*hifz al-māl*) membentuk asas yang kukuh dalam pembinaan sesebuah institusi kekeluargaan yang mapan dan berfungsi. Begitu juga, aspek *hifz al-'ird* (pemeliharaan kehormatan) yang penting untuk menegaskan peranan maruah yang memelihara kesucian hubungan suami isteri, mencegah penyelewengan moral serta membina keyakinan

antara ahli keluarga.²⁰ Oleh yang demikian, setiap aspek *maqāṣid* tersebut berfungsi sebagai matlamat untuk melindungi dan memperkukuh hubungan kekeluargaan.²¹

Sebelum dijelaskan secara terperinci tentang peranan *maqāṣid al-sharī'ah* dalam mensejahterakan keluarga, wajar ditelusuri terlebih dahulu teori *ḥifẓ al-nasl* dan *ḥifẓ al-'ird*, iaitu dari sudut konsep, pandangan ulama dan hubungan antara keduanya. Secara istilah, *ḥifẓ al-nasl* ialah memelihara kelangsungan kewujudan insan dengan memastikan penyediaan sebab dan kaedah bagi menegakkan serta meneruskannya, di samping menolak segala faktor yang boleh meruntuhkan atau memusnahkannya demi menjamin kesinambungan umat manusia.²² Manakala, *ḥifẓ al-'ird* pula ialah memelihara maruah, kehormatan dan kesucian manusia melalui pelaksanaan maslahat serta kaedah yang disyariatkan bagi menjaga dan melindungi kehormatan diri.²³

Oleh kerana itu, menurut al-Shawkānī:

الضروري وهو المتضمن حفظ النفس، حفظ المال، حفظ النسل، وحفظ الدين، وحفظ العقل، وحفظ الأعراض. وقد زاد بعض المتأخرين سادسا، وهو حفظ الأعراض، فإن عادة العقلاء بذل نفوسهم وأموالهم دون

²⁰ Meskipun terdapat perbezaan pandangan dalam kalangan ulama sama ada *ḥifẓ al-'ird* termasuk dalam *maqāṣid al-darūriyyāt* atau sebaliknya, perbincangan ini tetap menonjolkan peranannya secara khusus di samping menghuraikan fungsi *ḥifẓ al-nasl*. Hal ini demikian kerana menurut pandangan penulis, kedua-duanya wajar diketengahkan secara berasingan dalam konteks kekeluargaan agar isu-isu yang timbul dapat ditangani dengan lebih tuntas dan berkesan.

²¹ Elemen-elemen ini boleh dibahagikan kepada 19 aspek yang perlu diambil berat bagi memastikan pencapaian keluarga sejahtera dalam sebuah negara bermasyarakat majmuk seperti Malaysia. Lihat Awang Nib Zuhairi, Hadenan & Abdul Razak. "Family Well-Being According to the Maqasid Shariah in the Context of a Plural Society in Sarawak: A Preliminary Study." *Azka International Journal of Zakat & Social Finance* 1, no. 2 (2021): 179.

²² Nūr al-Dīn al-Khādimī. *ʿIlm al-Maqāṣid al-Sharī'ah*. Riyadh: Maktabah al-'Obīkan, 2001, 83.

²³ Ibid.

أعراضهم، وما فدي بالضروري أولى أن يكون ضروريا، وقد شرع بالجناية عليه بالقذف الحد، وهو أحق بالحفظ من غيره، فإن الإنسان قد يتجاوز من جني على نفسه وماله، ولا يكاد أحد أن يتجاوز عن الجناية على عرضه.²⁴

“Al-ḍarūriyyāt ialah memelihara agama, akal, keturunan, harta, nyawa dan maruah. Sebahagian ulama telah menambah aspek maruah sebagai perkara yang perlu ditekankan kerana telah menjadi kebiasaan bagi orang-orang yang berakal untuk mengorbankan harta dan nyawa demi memelihara maruah. Ia disyariatkan melalui hukuman jenayah dan sesungguhnya memelihara maruah adalah lebih utama berbanding memelihara perkara-perkara lain yang bersifat ḍarūriyyāt. Hal ini demikian kerana seseorang boleh jadi melampaui batas terhadap orang lain dari segi maruah, namun jarang sekali melampaui batas terhadap nyawa atau harta orang tersebut.”

Menurut Ibn `Ashūr pula:

قال وأما حفظ العرض في الضروري فليس بصحيح والصواب أنه من قبيل الحاجي، والذي كمل بعض العلماء مثل تاج الدين السبكي في جمع الجوامع على عدّه في الضروري هو ما رأوه من ورود حد القذف في الشريعة، ونحن لا نلتزم الملازمة بين الضروري، وما في تفويته حد، ولذلك لم يعده الغزالي وابن الحاجب ضروريا.²⁵

“Adapun memelihara maruah (ḥifz al-`irq) termasuk dalam kategori ḍarūrī, maka itu tidak benar. Yang tepat ialah ia

²⁴ Muḥammad bin `Alī al-Shawkānī. *Irshād al-Fuḥūl ilā Tahqīq al-Ḥaqq min `Ilm al-Uṣūl*. Vol. 2, Riyadh: Dār al-Faḍīlah, 2000, 900-901.

²⁵ Ṭāhir Ibn `Āshūr. *Maqāṣid al-Sharī`ah al-Islāmiyyah*. Amman: Dār al-Nafā`is, 2001, 305-306.

tergolong dalam kategori ḥājī. Faktor yang mendorong sebahagian ulama, seperti Tāj al-Dīn al-Subkī dalam Jam` al-Jawāmi`, untuk menetapkannya sebagai ḍarūrī adalah kerana mereka melihat terdapat hukuman had qazaf dalam syariat. Namun, kami tidak berpegang kepada kaedah bahawa setiap perkara yang dikenakan hukuman had secara langsung tergolong sebagai ḍarūrī. Oleh sebab itu, al-Ghazālī dan Ibn al-Hājib tidak menetapkannya sebagai ḍarūrī.”


Berdasarkan pendapat oleh kedua ulama ini, dapat disimpulkan bahawa terdapat perdebatan yang jelas tentang kedudukan *ḥifẓ al-`ird*.²⁶ Walaupun begitu, kebanyakan ulama tidak melihat *al-`ird* sebagai *maqāṣid al-darūriyyah* yang tersendiri, namun berperanan sebagai unsur pelengkap (*mukammil*) dan pendukung (*khādim*) bagi *al-nasl* yang bersifat *kullī* (menyeluruh) dalam struktur *maqāṣid al-sharī`ah*.²⁷ Hal ini demikian kerana pemeliharaan keturunan yang menjadi objektif utama syariat turut memerlukan perlindungan maruah sebagai benteng daripada ancaman yang boleh menjejaskan kesinambungannya, selain daripada penjagaan jiwa. Dengan kata lain, kesucian nasab tidak dapat dicapai secara sempurna tanpa pemeliharaan maruah.²⁸ Oleh itu, maruah merupakan komponen asas yang menyempurnakan pencapaian *ḥifẓ al-nasl*.

²⁶ Antara para ulama klasik yang mengetengahkan aspek *al-`ird* sebagai *maqāṣid al-kulliyah* yang keenam ialah al-Qarrāfī, al-Tūfī, Ibn al-Subkī, Amīr Bādshāh, Ibn al-Najjār, al-Zarkashī dan al-Shaukānī. Manakala dalam kalangan ulama kontemporari pula ialah Yūsuf al-Qaraḍāwī, Jasser Auda dan Muṣṭafā Shalbī. Sementara itu, ulama klasik dan kontemporari yang menolak penambahan *maqāṣid* lain dalam *al-kulliyāt al-khams* ialah al-Āmidī, al-Shātībī, Ibn `Ashūr, al-Raysūnī, Muhammad al-Zuhaylī dan Sa`ad al-Yūbī. Lihat Radhia Guesbaya & Abderrahmane. "Maqṣad Ḥifẓ al-`Ird Tahriī al-Mafhūm wa `Taḥqīq al-Rutbah." *Majallah al-Ihyā` 20*, no. 25 (2020): 115-120.

²⁷ Ibid., 124.

²⁸ M. Lutfi Khakim & Mukhlis Ardiyanto. "Menjaga Kehormatan sebagai Perlindungan Nasab Perspektif Maqashid Syari`ah." *Nizham Journal of Islamic Studies* 8, no. 1 (2020): 37.

Rajah 2: Hubungan Prinsip *Hifz al-Nasl* dan *Hifz al-Ird*



Sumber: Rumusan pengkaji.

Tentang fungsi *maqāṣid al-sharī'ah* dalam mensejahterakan keluarga, pertama sekali, *hifz al-dīn* berperanan memastikan kehidupan sesebuah keluarga berasaskan nilai-nilai agama yang sah. Ia menekankan kewajipan ibu bapa untuk memelihara kefahaman agama dalam kalangan ahli keluarga, terutamanya anak-anak. Dengan bukti yang jelas, agama berfungsi sebagai panduan moral utama bagi setiap anggota melalui amalan ibadah,²⁹ pemeliharaan akidah dan pembentukan akhlak mulia. Bahkan, selain daripada mencegah perbuatan keji, pengaplikasian aspek ini juga memupuk rasa tanggungjawab sebagai hamba Allah SWT. Bagi mencapai hal tersebut, kursus pra-perkahwinan di Malaysia telah berjaya mengintegrasikan elemen *maqāṣid* dengan menekankan kepentingan penjagaan agama sebagai asas kebahagiaan rumah tangga.³⁰ Sungguhpun begitu, masih terdapat aspek yang boleh ditambah baik bagi memastikan kefahaman dan penghayatan yang mendalam terhadap aspek *maqāṣid* yang terkandung secara tersirat. Hal ini demikian kerana penjagaan agama dapat memastikan setiap ahli

²⁹ Antara amalan utama yang boleh dilaksanakan ialah solat berjemaah, berzikir dan berdoa. Lihat Abdul Rashid Abdul Aziz. "Penerokaan Nilai Agama Berasaskan Maqasid Syariah dalam Meningkatkan Kebahagiaan Keluarga." *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 8, no. 1 (2023): 10.

³⁰ Nurul Badriyah binti Ali, Angraini binti Ramli & Hakimah binti Ahmad. "Maqasid Shariah in Family Institutions: Analysis of the Prenuptial Course Module in Malaysia." *Mazahib: Jurnal Pemikiran Hukum Islam* 19, no. 2 (2020): 260.

keluarga memahami peranan mereka berdasarkan ajaran-ajaran Islam serta membentuk hubungan kekeluargaan yang berpaksikan keimanan.

Seterusnya, prinsip *hifz al-nafs* menekankan keperluan perlindungan terhadap kesejahteraan fizikal dan mental anggota keluarga. Selaras dengan hal tersebut, Islam menggalakkan komitmen, adab dan kasih sayang antara suami isteri serta ibu bapa terhadap anak-anak mereka. Dengan berpegang kepada aspek pemeliharaan nyawa yang merangkumi unsur-unsur penting seperti maruah, hubungan, keadilan, perkahwinan dan kehidupan keluarga yang kukuh, maka kedamaian masyarakat dapat dipelihara dan kadar jenayah rumah tangga dapat dikurangkan.³¹ Oleh yang demikian, pengamalan prinsip ini dapat dihayati melalui tiga amalan utama iaitu mencegah kezaliman terhadap diri sendiri dan ahli keluarga, memupuk kasih sayang antara pasangan serta mensyukuri anugerah kehidupan.³²

Menerusi kerangka *hifz al-'aql*, Islam menekankan pendidikan sebagai asas utama pembinaan institusi kekeluargaan. Hal ini demikian kerana, ilmu pengetahuan memainkan peranan penting dalam melahirkan keluarga yang harmoni dan sejahtera.³³ Tambahan pula, sejarah telah membuktikan bahawa pencapaian ilmu yang tinggi menjadi pemangkin kepada kemajuan sesebuah tamadun atau negara. Buktinya, bangsa yang maju ialah bangsa yang mengangkat nilai ilmu sebagai teras pembangunan. Oleh itu, setiap keluarga perlu menerapkan rasa cinta dan kasih terhadap ilmu sejak usia kanak-kanak.³⁴ Pendekatan ini bukan sahaja menggalakkan pengembangan potensi akal, malah turut memperkukuh pembentukan akhlak dan budi pekerti mulia. Sebagai usaha yang menyokong hasrat ini,

³¹ Awang Nib Zuhairi, Hadenan & Abdul Razak. "Family Well-Being According to the Maqasid Shariah in the Context of a Plural Society in Sarawak: A Preliminary Study." 182.

³² Abdul Rashid Abdul Aziz. "Penerokaan Nilai Agama Berasaskan Maqasid Syariah dalam Meningkatkan Kebahagiaan Keluarga." 14.

³³ Zaharah Hussin et al. "Pembangunan Akhlak dan Moral ke Arah Masyarakat Lestari." *Jurnal Al-Hikmah* 7, no. 2 (2015): 81.

³⁴ Ratna Roshida Abd Razak & Nik Haslinda Nik Hussain. "Peranan Institusi Keluarga dalam Penjanaan Bangsa Bertamadun." *Jurnal Kemanusiaan* 5, no. 1 (2007): 79.

penyertaan dalam majlis-majlis ilmu wajar digalakkan kerana ia dapat menjadi panduan berkesan ke arah melahirkan keluarga yang bahagia.³⁵

Kemudian, prinsip *hifz al-nasl* memastikan keabsahan hubungan kekeluargaan melalui pernikahan yang sah serta perlindungan hak anak-anak.³⁶ Pada asasnya, tujuan perkahwinan adalah untuk meneruskan kehidupan serta memastikan kelangsungan umat manusia sebagai khalifah di muka bumi. Hal ini demikian kerana setiap insan pasti mengimpikan sebuah keluarga yang penuh dengan kasih sayang, iaitu kasih sayang antara suami, isteri dan anak-anak. Dalam merealisasikan impian tersebut, Allah SWT menjadikan keturunan sebagai wasilah utama. Malah, nasab merupakan antara anugerah dan nikmat terbesar yang dikurniakan terhadap manusia. Selain itu, nasab juga merupakan hak pertama yang seharusnya diterima oleh seorang bayi agar terhindar daripada kehinaan dan pengabaian.³⁷ Lebih daripada itu, ia turut menjadi salah satu faktor yang perlu dipertimbangkan dalam pemilihan pasangan yang dikenali dengan istilah *kafā'ah* (sekufu).³⁸

Di sisi lain, seiring dengan perintah berkahwin melalui prinsip *hifz al-nasl*, terdapat juga pengharaman zina kerana perbuatan tersebut menyebabkan nasab tidak terpelihara secara sah.³⁹ Dalam konteks ini, peranan *hifz al-'irđ* menjadi penting, iaitu bagi mengelakkan perbuatan zina dan tuduhan *qadhaf* serta merosakkan kehormatan orang lain atau diri sendiri.⁴⁰ Rentetan daripada itu, perbuatan maksiat seperti zina mesti dicegah kerana ia boleh merosakkan struktur sosial dan mengancam

³⁵ Zaharah Hussin et al. "Hidup Berkeluarga Melalui Didikan Amalan Q-Rohani (Afektif): Satu Pendekatan Fuzzy Delphi." *Jurnal Al-Hikmah* 9, no. 2 (2017): 24.

³⁶ Jamāl al-Dīn `Aṭīyyah. *Naḥwa Tafṭīl Maqāṣid al-Sharī'ah*. Damsyik: Dar al-Fikr, 2001, 126.

³⁷ Ibid., 149-150.

³⁸ M. Lutfi Khakim & Mukhlis Ardiyanto. "Menjaga Kehormatan sebagai Perlindungan Nasab Perspektif Maqashid Syari'ah." 39.

³⁹ Wan Nor Adibah Wan Ahmad, Adawiyah Ismail & Ahmad Irdha Mokhtar. "Syariah Maqasid Perspective in Preserving Family Institution." *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 22, no. 3 (2021): 23.

⁴⁰ Muhammad al-Mahdī bin al-Sīḥmū. "Maẓāhir Ḥifz al-'Irđ wa al-Nasab fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah." *Majallah al-Ijtihād li al-Dirāsāt al-Qanūniyyah wa al-Iqtisādiyyah* 3, no. 2 (2014): 146-150.

kelestarian institusi keluarga. Tambahan pula, al-Quran turut memberikan amaran tegas agar tidak menghampiri zina kerana ia merupakan perbuatan keji yang membawa kepada kerosakan moral dan sosial.⁴¹ Menurut al-Qaradāwī, maruah ialah kemuliaan dan kebanggaan seseorang individu. Maka, syariat mengharamkan *qadhaf*, *ghībah* dan seumpamanya yang dapat mencemarkan kehormatan. Bahkan, ditetapkan *hadd* khusus bagi orang yang melemparkan tuduhan *qadhaf* tanpa saksi yang mencukupi.⁴²

Mengakhiri bahagian ini, prinsip *hifz al-māl* pula menggalakkan pengurusan kewangan keluarga secara beretika, adil dan sistematik. Realitinya, kesenangan rumahtangga turut bergantung pada kecekapan perancangan ekonomi serta pengagihan sumber yang mencukupi dan seimbang.⁴³ Selaras dengan itu, pengagihan tanggungjawab ekonomi antara suami isteri perlu dilakukan secara adil untuk mengelakkan ketegangan yang boleh mencetuskan konflik.⁴⁴ Oleh kerana itu, Islam menetapkan nafkah sebagai kewajipan suami terhadap isteri dan anak-anaknya.⁴⁵ Begitu juga,

⁴¹ Firman Allah SWT dalam surah al-Isra', 17: 32 bukan sekadar melarang perbuatan zina, tetapi turut melarang untuk mendekatinya. Larangan ini merangkumi semua perkara yang menjadi jalan atau wasilah kepada zina seperti berdua-duaan (khalwat) antara lelaki dan perempuan ajnabi, menonton perkara lucah, berhubungan secara tidak *shar'ī* melalui media sosial atau bersentuhan fizikal tanpa keperluan yang dibenarkan oleh syarak. Lihat Yahya Fathur Rozy & Andri Nirwana An. "Penafsiran" La Taqrabu al-Zina dalam QS. Al-Isra' Ayat 32 (Studi Komparatif antara Tafsir Al-Azhar Karya Buya Hamka dan Tafsir Al-Mishbah Karya M. Quraish Shihab)." *Qist: Journal of Quran and Tafseer Studies* 1, no. 1 (2022): 67.

⁴² Yūsuf al-Qaradāwī. *Madkhal li Dirāsah al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1993, 55-56.

⁴³ Ahmad Hariri Mohd Saat & Raihanah Azahari. "Kesejahteraan Keluarga Menurut Perspektif Islam: Kajian Kualitatif: Family Wellbeing According to Islamic Perspective: A Qualitative Study." *Jurnal Syariah* 29, no. 3 (2021): 531.

⁴⁴ Cassandra Balchin. "Book Review: Islamic Family Law in a Changing World a Global Resource Book." *Al-Raida* 23, no. 111-112 (2006): 81.

⁴⁵ Suami bertanggungjawab sepenuhnya dalam menyediakan nafkah kewangan kepada isteri dan ahli keluarganya yang merangkumi makanan, pakaian, tempat tinggal serta keperluan asas yang lain, sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah SWT:

وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ

syarak turut memperuntukkan konsep-konsep lain seperti faraid, hibah dan wasiat bagi memastikan pemilikan harta tidak menimbulkan pertikaian dalam kalangan ahli keluarga.⁴⁶

Sebagai rumusan, *maqāṣid al-sharī'ah* memainkan peranan yang signifikan dalam memperkukuh institusi keluarga dengan menyediakan kerangka nilai yang menyeluruh iaitu aspek spiritual, intelektual, emosi dan material. Integrasi prinsip-prinsip *maqāṣid* dalam kehidupan kekeluargaan merupakan kunci utama ke arah pembentukan masyarakat Islam yang berakhlak. Hal ini turut membantu bagi mengeratkan hubungan kekeluargaan serta memperkukuh fungsi keluarga sebagai asas kepada pembangunan sosial dan tamadun umat. Justeru, usaha memahami serta mengamalkan *maqāṣid al-sharī'ah* dalam konteks kekeluargaan wajar diperkukuh melalui pendidikan, bimbingan dan sokongan institusi berkaitan.

"Dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian menurut cara yang sepatutnya."

(Surah al-Baqarah, 2: 233)

Ayat ini memberi penekanan bahawa tanggungjawab seorang suami (bapa kepada anak) adalah untuk memastikan isteri menerima nafkah yang mencukupi dan sesuai menurut adat yang diterima umum, selaras dengan prinsip keadilan dan ihsan dalam Islam. Lihat Yūsuf al-Qaradāwī. *The Lawful and the Prohibited in Islam*. Kaherah: Al-Falah Foundation, 2001, 199.

⁴⁶ Mohd Kamarul Khaidzir Saadan & Mohamad Haron. "Teori Masalah dalam Sistem Pewarisan Harta Orang Islam: The Theory of Maslahah in Muslim's Inheritance System." *Journal of Muwafaqat* 1, no. 1 (2018): 8.

Rajah 3: Prinsip *Maqāṣid al-Sharī'ah* sebagai Asas Penguken Keluarga



Sumber: Rumusan pengkaji.

ANALISIS TERHADAP PRINSIP *ḤIFZ AL-NASL* DAN *ḤIFZ AL-`IRD* DALAM PEMBENTUKAN KELUARGA SEJAHTERA

1. Skop dan kepentingan

Prinsip *ḥifz al-nasl* dan *ḥifz al-`ird* merupakan dua komponen penting dalam rangka *maqāṣid al-sharī'ah* yang mendasari pembentukan keluarga sejahtera. *Ḥifz al-nasl* merangkumi pemeliharaan kesinambungan generasi, kestabilan institusi keluarga dan kualiti kesolehan keturunan yang dimulai

dengan perkahwinan yang mengikut syariat Islam.⁴⁷ Sementara itu, *hifz al-'ird* memfokuskan kepada pemeliharaan maruah dan kehormatan, sama ada pada peringkat individu mahupun keluarga.⁴⁸ Ia melibatkan perlindungan daripada fitnah, tuduhan palsu dan perbuatan yang mencemar nama baik, di samping memastikan interaksi sosial yang mematuhi batas syarak.⁴⁹ Walaupun hubungan antara kedua-dua prinsip ini bersifat umum-khusus, namun kedua-duanya mempunyai titik temu yang signifikan. Hal ini dapat dilihat melalui kehormatan yang terpelihara menjadi pra-syarat kepada keturunan yang sah. Sama halnya, nasab yang terjaga akan memperkukuh kehormatan keluarga.⁵⁰

Selain itu, kedua-dua prinsip *hifz al-nasl* dan *hifz al-'ird* juga memberikan kesan yang meluas terhadap struktur sosial dan corak kehidupan masyarakat. Pemeliharaan keturunan, misalnya, menekankan kepentingan perkahwinan yang sah sama ada dari sudut agama mahupun undang-undang, sebagai asas pembinaan keluarga yang teratur.⁵¹ Dalam masa yang sama, pemeliharaan maruah berperanan mengekang tingkah laku yang boleh mencetuskan konflik dan stigma sosial seperti pendedahan aib keluarga.⁵² Secara tidak langsung, keluarga yang berada dalam keadaan sejahtera cenderung melahirkan anggota yang sihat dari segi mental, spiritual dan fizikal. Anggota-anggota keluarga ini seterusnya berpotensi

⁴⁷ Wan Nor Adibah Wan Ahmad et al. "Syariah Maqasid Perspective in Preserving Family Institution." 19-24.

⁴⁸ Husamuddin MZ. "Hifz al-'Ird dalam Transformasi Sosial Modern (Upaya Menjadikan Hifzhu al-'Ird sebagai Maqāshid al-Dharūrī)." *At-Tasyri'* 11, no. 2 (2019): 128.

⁴⁹ Radhia Guesbaya & Abderrahmane. "Maqṣad Hifz al-'Ird Ṭahrīī al-Mafhūm wa 'Taḥqīq al-Rutbah." 118.

⁵⁰ Ibid., 123.

⁵¹ Qadriani Arifuddin. "Registration of Marriage as Fulfillment of Marriage Requirements According to Islamic Principles." *Nurani: Jurnal Kajian Syari'ah dan Masyarakat* 24, no. 2 (2024): 319.

⁵² Muhammad Faathur Nurfath & Musyafi Usman. "Pencegahan Fenomena Memviralkan Kasus Perselingkuhan Rumah Tangga di Media Sosial Berdasarkan Maqashid Syariah." *Sangaji: Jurnal Pemikiran Syariah dan Hukum* 9, no. 1 (2025): 90.

besar untuk terlibat secara aktif dalam pelbagai aspek pembangunan negara, termasuk pendidikan, ekonomi dan kerukunan komuniti.⁵³

Di samping itu, pelaksanaan prinsip-prinsip ini juga memainkan fungsi penting dalam mengelakkan kerosakan hubungan kekeluargaan seperti konflik rumah tangga dan pengabaian tanggungjawab. Perlu ditegaskan bahawa anak-anak turut memainkan peranan penting selain ibu bapa, memandangkan mereka merupakan sebahagian daripada anggota institusi keluarga yang mempengaruhi keharmonian hubungan. Justeru, pemenuhan hak dan tanggungjawab yang bersifat timbal balik antara ibu bapa serta anak-anak akan melahirkan keluarga sejahtera yang sesungguhnya.⁵⁴

2. Aplikasi dalam kehidupan berkeluarga

Dalam konteks kehidupan berkeluarga, prinsip *hifz al-nasl* dan *hifz al-ird* perlu diterapkan melalui pendidikan moral dan sosial yang kukuh. *Hifz al-nasl* dilaksanakan dengan memberi penekanan kepada pendidikan yang mengutamakan nilai-nilai agama dan moral serta penguatan institusi perkahwinan yang sah bagi memastikan nasab anak-anak terpelihara.⁵⁵ Dari sudut lain, *hifz al-ird* pula diterapkan melalui pendidikan akhlak yang menekankan kejujuran, kesabaran dan keadilan dalam hubungan rumah tangga.⁵⁶ Program pra-pernikahan juga memainkan peranan yang penting dalam membantu pasangan memahami tanggungjawab mereka terhadap keturunan dan kehormatan keluarga.⁵⁷

⁵³ Wasthan Karim. "Challenges in the Implementation of Maqashid al-Shari'ah in Contemporary Islamic Family Law." *Contemporary Islamic Law Journal* 1, no. 2 (2024): 86.

⁵⁴ A. M. Reyes, & S. E. Patterson. "Dynamics of Family Exchanges: How Life Course Transfers Influence Support from Adult Children." *Research on Aging*, 47, no. 7-8 (2025): 346.

⁵⁵ Meraj Ahmad Meraj. "The Importance of Marriage in Islam." *International Journal of Research Granthaalayah* 6, no. 11 (2018): 2.

⁵⁶ Afiful Ikhwan, Oktio Frenki Biantoro & Ali Rohmad. "The Role of the Family in Internalizing Islamic Values." *Dinamika Ilmu* 19, no. 2 (2019): 328.

⁵⁷ Siti Nubailah Mohd Yusof, Zuria Mahmud, and Salleh Amat. "Kefahaman dan Keperluan Pendidikan Perkahwinan di Malaysia: (Understanding and Necessity of Marriage Education in Malaysia)." *Ulum Islamiyyah* 12 (2014): 74.

Secara praktikal, penerapan kedua-dua prinsip ini memerlukan sokongan daripada komuniti serta institusi sosial. Sebagai contoh, program komuniti seperti kaunseling keluarga dan bantuan sosial mampu memberi sokongan kepada keluarga untuk mengatasi cabaran hidup dan memastikan kebajikan mereka.⁵⁸ Malah, institusi pendidikan perlu mengintegrasikan nilai-nilai tersebut ke dalam kurikulum sama ada peringkat rendah, menengah atau tinggi bagi memastikan anak-anak memahami serta menghayati tanggungjawab mereka sebagai anak, di samping memelihara kesucian diri sejak usia awal.⁵⁹ Selanjutnya, pengukuhan dasar-dasar yang menekankan perlindungan serta keselamatan sosial juga perlu diberikan perhatian. Dasar-dasar ini melibatkan pelbagai aspek yang secara langsung atau tidak langsung memberi impak terhadap kehidupan sesebuah keluarga yang merangkumi bidang perundangan, pendidikan, ekonomi dan kesihatan.⁶⁰

3. Cabaran dan isu kontemporari

Seiring dengan perkembangan semasa, pelbagai cabaran baru muncul yang memberi kesan mendalam kepada penerapan prinsip *hifz al-nasl* dan *hifz al-'ird*. Salah satu isu utama yang kini mendapat perhatian adalah fenomena perceraian akibat perkawinan dini yang secara jelas menggambarkan ketidakstabilan dalam institusi keluarga.⁶¹ Perkahwinan dini merujuk kepada perkahwinan yang berlangsung pada usia yang relatif muda, lazimnya melibatkan pasangan berumur kurang daripada 20 tahun. Fenomena ini berlaku disebabkan oleh pelbagai faktor, antaranya tekanan atau paksaan keluarga, pengaruh pergaulan sosial, kehamilan luar nikah serta

⁵⁸ Samud Samud. "Peranan Pemerintah dalam Mensejahterakan Masyarakat Melalui Bantuan Sosial Perspektif Ekonomi Islam." *Al-Amwal: Jurnal Ekonomi dan Perbankan Syari'ah* 10, no. 2 (2018): 216.

⁵⁹ Raqib Moslimany, Anzar Otaibi & Frugo Shaikh. "Designing a Holistic Curriculum: Challenges and Opportunities in Islamic Education." *Journal on Islamic Studies* 1, no. 1 (2024): 60.

⁶⁰ Awang Nib Zuhairi Awang Ahmad, Hadenan Towpek & Abdul Razak Abdul Kadir. "Syarat Pelaksanaan Siasah Syar'iyah untuk Membentuk Dasar Kesejahteraan Keluarga dalam Negara Bermasyarakat Majmuk." In *Proceedings Borneo Islamic International Conference* 13, pp. 305, 2022.

⁶¹ Mohd Fadli Sulaiman & Zaini Nasohah. "Sorotan Literatur Punca Perceraian Awal Perkahwinan di Malaysia (Literature Review's on the Causes of Early Marriage Divorce in Malaysia)." *Bitara International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6, no. 4 (2023): 31.

kecenderungan untuk berkahwin pada usia awal yang pada akhirnya tidak memiliki tahap kesiapsiagaan untuk membina kehidupan berkeluarga.⁶²

Lebih jauh lagi, pengaruh media sosial dan kemajuan teknologi digital menuntut pendekatan yang lebih berkesan dalam melindungi kehormatan keluarga daripada ancaman fitnah serta penyebaran maklumat palsu.⁶³ Dalam konteks ini, ibu bapa dan anak-anak memainkan peranan utama sebagai pengguna teknologi digital yang menentukan sama ada penggunaan media sosial membawa impak positif (*maṣlahah*) atau negatif (*mafsadah*) terhadap institusi keluarga. Atas dasar ini, kawalan terhadap perkongsian maklumat, penyebaran imej serta pendedahan isu peribadi di ruang digital menjadi aspek terpenting dalam memastikan pemeliharaan maruah keluarga terus terpelihara.⁶⁴

Tidak hanya dengan itu, perubahan norma sosial dan nilai masyarakat turut menjadi permasalahan. Menurut sesetengah komuniti, struktur keluarga tradisional yang selama ini menjadi asas pembentukan masyarakat sedang mengalami perubahan yang ketara akibat pengaruh urbanisasi dan globalisasi.⁶⁵ Misalnya, peningkatan bilangan keluarga dwipendapatan, keterlibatan wanita secara aktif dalam sektor pekerjaan serta penangguhan usia perkahwinan dan kelahiran anak telah mengubah dinamik peranan anggota keluarga dan fungsi institusi kekeluargaan itu sendiri.⁶⁶

Lebih daripada itu, peranan ibu bapa sebagai pendidik utama kepada anak-anak menjadi semakin terhad akibat kekangan masa dan beban kerja,

⁶² Dini Fadilah. "Tinjauan Dampak Pernikahan Dini dari Berbagai Aspek." *Jurnal Pamator: Jurnal Ilmiah Universitas Trunojoyo* 14, no. 2 (2021): 90-92

⁶³ Mohd Harifadilah Rosidi, Ahmad Wifaq Mokhtar & Mohd Nasir Abdul Majid. "The Role of Maqasid al-Shari'ah as a Fundamental Ethics in Social Media Use". *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 12, no. 4 (2022): 1292.

⁶⁴ Mohamad Nazrul Mohd Azmian et al. "Pengaplikasian Konsep Kawalan Sosial dalam Komuniti Maya." *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan* 16, no. 1 (2024): 68.

⁶⁵ Habibat Oladosu-Uthman. "Islam, Gender, and Development." *Ijus: International Journal of Umranic Studies* 3, no. 2 (2020): 15.

⁶⁶ Ade Daharis. "The Role and Position of Women in the Family According to Islamic Law: A Critical Study of Contemporary Practices." *Literatus* 5, no. 2 (2023): 383.

sekali gus memberi kesan terhadap proses sosialisasi anak-anak di rumah.⁶⁷ Hal ini menuntut keupayaan anak-anak untuk berinteraksi secara berhemah dengan rakan sebaya dan persekitaran sosial yang mereka pilih. Dengan kata lain, sikap berhati-hati serta kebijaksanaan dalam memilih rakan merupakan faktor penting dalam membentuk tingkah laku dan nilai diri.⁶⁸ Pada masa yang sama, pemantauan berterusan oleh ibu bapa tetap diperlukan bagi memastikan proses sosialisasi anak-anak berlangsung secara seimbang dan terkawal.⁶⁹


Oleh itu, penghayatan terhadap *maqāṣid al-sharī'ah* menjadi asas penting dalam menghadapi cabaran kekeluargaan moden. Pemahaman yang mendalam terhadap tujuan-tujuan yang ditetapkan oleh syarak dapat mendorong individu, keluarga dan masyarakat untuk mengambil langkah-langkah praktikal selaras dengan nilai-nilai tersebut, seperti memperkukuh pendidikan perkahwinan dari aspek agama dan etika serta mengurus masa dengan baik agar ibu bapa dapat menyeimbangkan antara kerjaya dan keluarga. Dalam masa yang sama, anak-anak turut berperanan penting dalam menjayakan keluarga bahagia melalui penghayatan tanggungjawab dan akhlak yang baik serta interaksi sosial yang beradab. Begitu juga, kawalan terhadap penyebaran maklumat dan pendedahan isu peribadi kepada pihak luar, khususnya melalui media sosial ialah tanggungjawab bersama ibu bapa dan anak-anak bagi memastikan maruah keluarga sentiasa terpelihara.

⁶⁷ Nabilla Dian Alvanda et al. "The Challenges of Muslim Parents in Rearing Digital Native Children". *International Journal of Islamic Psychology* 7 (2024): 20.

⁶⁸ I. Wayan Mastra & Ida Bagus Gede Bawa Adnyana. "Peran Lingkungan Membentuk Generasi Muda Cerdas, Berkualitas dan Berbudi Pekerti Luhur." *Widyadari* 21, no. 1 (2020): 264.

⁶⁹ Syazwana Aziz et al. "Tingkah Laku Devian dalam Kalangan Remaja di Semenanjung Malaysia Berdasarkan Faktor Pemantauan Ibu Bapa, Komunikasi Ibu Bapa dan Religiositi." *Jurnal Sains Sosial* 4, no. 1 (2020): 96.

Rajah 4: Dimensi *Hifz al-Nasl* dan *Hifz al-`Ird* dalam Penguatan Institusi Keluarga



Sumber: Rumusan pengkaji.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, prinsip *hifz al-nasl* dan *hifz al-`ird* berfungsi sebagai elemen penting dalam pembinaan masyarakat yang stabil dan berakhlak. Kedua-dua prinsip ini yang bertujuan melindungi keturunan dan maruah adalah saling melengkapi bagi memastikan keharmonian rumah tangga. Dalam menghadapi cabaran zaman moden, pemeliharaan prinsip-prinsip ini amat penting bagi memastikan keluarga Muslim mampu mencorakkan generasi yang bertanggungjawab dan berakhlak mulia. Penghayatan prinsip-prinsip *maqāsid al-sharī`ah* dalam kehidupan keluarga juga mampu memulihkan nilai-nilai yang semakin terhakis serta menjadi landasan untuk mengekalkan kestabilan sosial yang menyeluruh. Justeru, kajian tentang prinsip *hifz al-nasl* serta *hifz al-`ird* perlu terus diperkuat demi mencapai

masyarakat yang sejahtera dan harmoni. Secara keseluruhannya, penguatan institusi keluarga dalam merealisasikan objektif-objektif tersebut menuntut penglibatan kolektif pelbagai pihak. Ibu bapa sebagai pendidik dan pembimbing utama, anak-anak sebagai pelaku yang menghayati serta mengamalkan nilai-nilai baik, masyarakat sebagai persekitaran sokongan sosial, institusi agama sebagai mediator panduan moral dan etika, manakala kerajaan berfungsi sebagai penggerak dan pelaksana dasar yang menyokong kesejahteraan keluarga. Hasilnya, kesepaduan peranan semua pihak ini menjadi faktor penting dalam membentuk keluarga yang sejahtera dan berdaya tahan di era kini.

RUJUKAN

- Abd Razak, Ratna Roshida & Nik Haslinda Nik Hussain. "Peranan Institusi Keluarga dalam Penjanaan Bangsa Bertamadun." *Jurnal Kemanusiaan* 5, no. 1 (2007): 73-82.
- Abdul Aziz, Abdul Rashid. "Penerokaan Nilai Agama Berasaskan Maqasid Syariah dalam Meningkatkan Kebahagiaan Keluarga." *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 8, no. 1 (2023): 1-24. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i1.2165>.
- Afiful Ikhwan, Oktio Frenki Biantoro & Ali Rohmad. "The Role of the Family in Internalizing Islamic Values." *Dinamika Ilmu* 19, no. 2 (2019): 323-335. <https://doi.org/10.21093/di.v19i2.1746>.
- Al-Khādimī, Nūr al-Dīn. *ʿIlm al-Maqāṣid al-Sharīʿah*. Riyadh: Maktabah al-ʿObīkan, 2001.
- Al-Qaradāwī, Yūsuf. *The Lawful and the Prohibited in Islam*. Kaherah: Al-Falah Foundation, 2001.
- _____. *Madkhal li Dirāsah al-Sharīʿah al-Islāmiyyah*. Beirut: Muʿassasah al-Risālah, 1993.
- Al-Qarrafī, Abū al-ʿAbbās Aḥmad bin Idrīs. *Sharḥ Tanqīḥ al-Fuṣūl fī Ikhtisār al-Maḥṣūl fī al-Uṣūl*. Beirut: Dār al-Fikr, 2004.
- Al-Shawkānī, Muḥammad bin ʿAlī. *Irshād al-Fuḥūl ilā Tahqīq al-Ḥaqq min ʿIlm al-Uṣūl*. Vol. 2, Riyadh: Dār al-Faḍīlah, 2000.

- Al-Ṭūfī, Abī al-Rabī` Sulaimān. *Sharḥ Mukhtaṣar al-Rawḍah*. Disunting oleh `Abdullāh bin `Abd al-Muḥsin al-Turkī. Vol. 3, Riyadh: Mu`assasah al-Risālah, 1998.
- Alvanda, Nabilla Dian, Emi Zulaifah & Annisa Fitri Alfianita. "The Challenges of Muslim Parents in Rearing Digital Native Children." *International Journal of Islamic Psychology* 7 (2024): 16-28.
- Arifuddin, Qadriani. "Registration of Marriage as Fulfillment of Marriage Requirements According to Islamic Principles." *Nurani: Jurnal Kajian Syari'ah dan Masyarakat* 24, no. 2 (2024): 317-328. <https://doi.org/10.19109/nurani.v24i2.24529>.
- `Atīyyah, Jamāl al-Dīn. *Naḥwa Taf'īl Maqāṣid al-Sharī`ah*. Damsyik: Dar al-Fikr, 2001.
- Awang Ahmad, Awang Nib Zuhairi, Hadenan Towpek & Abdul Razak Abdul Kadir. "Syarat Pelaksanaan Siasah Syar'iyah untuk Membentuk Dasar Kesejahteraan Keluarga dalam Negara Bermasyarakat Majmuk." In *Proceedings Borneo Islamic International Conference* 13, pp. 304-312, 2022.
- Aziz, Syazwana, Salina Nen, Suzana Mohd Hoesni & Jamiah Manap. "Tingkah Laku Devian dalam Kalangan Remaja di Semenanjung Malaysia Berdasarkan Faktor Pemantauan Ibu Bapa, Komunikasi Ibu Bapa dan Religiositi." *Jurnal Sains Sosial* 4, no. 1 (2020): 93-101.
- Azmian, Mohamad Nazrul Mohd, Muhammad Ridhwan Sarifin, Jusang Bolong, Nurhafizah Yusoff, Muhamad Hariz Muhamad Adnan & Mohd Syariefudin Abdullah. "Pengaplikasian Konsep Kawalan Sosial dalam Komuniti Maya." *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan* 16, no. 1 (2024): 66-79. <https://doi.org/10.37134/perspektif.voll6.1.6.2024>.
- Bakar, Osman. "Family Values, the Family Institution, and the Challenges of the Twenty-First Century: An Islamic Perspective". *ICR Journal* 3, no. 1 (2011): 13-36. <https://doi.org/10.52282/icr.v3i1.578>.

- Balchin, Cassandra. "Book Review: Islamic Family Law in a Changing World a Global Resource Book." *Al-Raida* 23, no. 111-112 (2006): 80-84.
- Bin al-Sīhmū, Muhammad al-Mahdī. "Mazāhir Ḥifz al-'Irḍ wa al-Nasab fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah." *Majallah al-Ijtihād li al-Dirāsāt al-Qanūniyyah wa al-Iqtisādiyyah* 3, no. 2 (2014): 143-158.
- Bin Awang Ahmad, Awang Nib Zuhairi, Hadenan bin Towpek & Abdul Razak bin Abdul Kadir. "Kesejahteraan Keluarga Menurut Maqasid Syariah dalam Konteks Masyarakat Majmuk di Sarawak: Satu Tinjauan Awal." *Azka International Journal of Zakat & Social Finance* 1, no. 2 (2021): 163-185. <https://doi.org/10.51377/azjaf.vol1no2.36>.
- Bin Don, Abdul Ghafar, Anuar Puteh & Ahmad Irdha Mokhtar. "Da'wah Maqasid al-Syariah in Nurturing Community Well-Being: Dakwah Maqasid al-Shari'ah dalam Memupuk Kesejahteraan Masyarakat". *Jurnal Pengajian Islam* 15, no. 1 (2022): 249-258.
- Binti Ali, Nurul Badriyah, Angraini binti Ramli & Hakimah binti Ahmad. "Maqasid Syariah in Family Institutions: Analysis of the Prenuptial Course Module in Malaysia." *Mazahib: Jurnal Pemikiran Hukum Islam* 19, no. 2 (2020): 247-280. <https://doi.org/10.21093/mj.v19i2.2567>.
- Binti Md Supi, Siti Shamsiah. "Keluarga Sejahtera Asas Pembinaan Negara Madani." (2023). Accessed 12 April 2025. <https://www.ikim.gov.my/keluarga-sejahtera-asas-pembinaan-negara-madani/>.
- Daharis, Ade. "The Role and Position of Women in the Family According to Islamic Law: A Critical Study of Contemporary Practices." *Literatus* 5, no. 2 (2023): 382-387. <https://doi.org/10.37010/lit.v5i2.1475>.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.

- Fadilah, Dini. "Tinjauan Dampak Pernikahan Dini dari Berbagai Aspek." *Jurnal Pamator: Jurnal Ilmiah Universitas Trunojoyo* 14, no. 2 (2021): 88-94. <https://doi.org/10.21107/pamator.v14i2.10590>.
- Guesbaya, Radhia & Abderrahmane. "Maqṣad Ḥifz al-ʿIrḍ Tahriī al-Mafhūm wa ʿTaḥqīq al-Rutbah." *Majallah al-Iḥyāʾ* 20, no. 25 (2020): 97-134.
- Harahap, Aziddin. "Analysis of the Role of Parents in Early Childhood Islamic Religious Education in the Family Environment." *Edukasi Islami: Jurnal Pendidikan Islam* 12, no. 4 (2023): 2807-2822. <https://doi.org/10.30868/ei.v12i03.5446>.
- Hasanah & Siti Salmi. "Nilai Edukasi Kasih Sayang dalam Kehidupan Rumah Tangga Rasulullah SAW." *Jurnal Dedikasi Pendidikan* 1, no. 2 (2017): 184-191. <https://doi.org/10.30601/dedikasi.v1i2.82>.
- Hussin, Zaharah, Saedah Siraj, Zai Hazreen Ab Malik, Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Ahmad Arifin Sapar & Nurulrabihah Mat Noh. "Pembangunan Akhlak dan Moral ke Arah Masyarakat Lestari." *Jurnal Al-Hikmah* 7, no. 2 (2015): 72-87.
- Hussin, Zaharah, Ahmad Arifin Sapar, Saedah Siraj, Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Abdul Muqṣith Ahmad & Nurul Rabihah Mat Noh. "Hidup Berkeluarga Melalui Didikan Amalan Q-Rohani (Afektif): Satu Pendekatan Fuzzy Delphi." *Jurnal Al-Hikmah* 9, no. 2 (2017): 16-31.
- Ibn al-Subkī, ʿAbd al-Wahhāb Ibn ʿAlī. *Jamʿu al-Jawāmiʿ fī Uṣūl al-Fiqh*. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, 2003.
- Ibn ʿĀshūr, Ṭāhir. *Maqāṣid al-Sharīʿah al-Islāmiyyah*. Amman: Dār al-Nafāʾis, 2001.
- Ismail, Safinah, Abur Hamdi Usman, Rosmawati Mohamad Rasit, Zulkefli Aini, Mariam Abd Majid, Abdul Wahab Md Ali & Khaulah Mohd Hamzah Murghayah. "Nilai Teladan Ibu Bapa dalam Pembentukan Anak-Anak Cinta Masjid: The Value of Parents' Examples in the Formation of Children's Love of the Masjid." *International Journal of*

Mosque, Zakat and Waqaf Management (Al-Mimbar) 4, no. 1 (2024): 26-39.

- Karim, Wasthan. "Challenges in the Implementation of Maqashid al-Shari'ah in Contemporary Islamic Family Law." *Contemporary Islamic Law Journal* 1, no. 2 (2024): 77-88.
- Khakim, M. Lutfi & Mukhlis Ardiyanto. "Menjaga Kehormatan sebagai Perlindungan Nasab Perspektif Maqashid Syari'ah." *Nizham Journal of Islamic Studies* 8, no. 1 (2020): 32-41.
- Kurniawan, Alhafiz. "Cara Efektif Mendidik Anak menurut Imam al-Ghazali." (2023). Accessed 12 April 2025. <https://islam.nu.or.id/nikah-keluarga/cara-efektif-mendidik-anak-menurut-imam-al-ghazali-MSSq0>.
- Mastra, I. Wayan & Ida Bagus Gede Bawa Adnyana. "Peran Lingkungan Membentuk Generasi Muda Cerdas, Berkualitas dan Berbudi Pekerti Luhur." *Widyadari* 21, no. 1 (2020): 264-283. <https://doi.org/10.5281/zenodo.3756913>.
- Meraj, Meraj Ahmad. "The Importance of Marriage in Islam." *International Journal of Research Granthaalayah* 6, no. 11 (2018): 1-6.
- Mhd Sufi'y, M. Muslih & Ahmad Khotim. "Implikasi Maqasid Syariah Terhadap Pilihan Reproduksi: Studi Tentang Childfree di Era Modern." *Bulletin of Islamic Law* 1, no. 2 (2024): 73-82.
- Misran. "Pendidikan Anak dalam Keluarga (Suatu Kajian dalam Perspektif Gender)." *Takammul: Jurnal Studi Gender dan Islam Serta Perlindungan Anak* 10, no. 1 (2021): 26-46.
- Mokhtar, Halim. "Jauhi Zina – Elak Dosa Berulang." (2023). Accessed 10 April 2025. <https://mais.gov.my/e-edisi/jauhi-zina-elak-dosa-berulang/>.
- Mohd Saat, Ahmad Hariri & Raihanah Azahari. "Kesejahteraan Keluarga Menurut Perspektif Islam: Kajian Kualitatif: Family Wellbeing According to Islamic Perspective: A Qualitative Study." *Jurnal Syariah* 29, no. 3 (2021): 513-540.

- Mohd Yusof, Siti Nubailah, Zuria Mahmud & Salleh Amat. "Kefahaman dan Keperluan Pendidikan Perkahwinan di Malaysia: (Understanding and Necessity of Marriage Education in Malaysia)." *Ulum Islamiyyah* 12 (2014): 73-86.
- Moslimany, Raqib, Anzar Otaibi & Frugo Shaikh. "Designing a Holistic Curriculum: Challenges and Opportunities in Islamic Education." *Journal on Islamic Studies* 1, no. 1 (2024): 52-73.
- MZ, Husamuddin. "Hifzh al-‘Irđ dalam Transformasi Sosial Modern (Upaya Menjadikan Hifzhu al-‘Irđ sebagai Maqāshid al-Dharūrīy)." *At-Tasyri'* 11, no. 2 (2019): 119-132.
- Nurfath, Muhammad Faathur & Musyafi Usman. "Pencegahan Fenomena Memviralkan Kasus Perselingkuhan Rumah Tangga di Media Sosial Berdasarkan Maqashid Syariah." *Sangaji: Jurnal Pemikiran Syariah dan Hukum* 9, no. 1 (2025): 88-98. <https://doi.org/10.52266/sangaji.v9i1.4487>.
- Oladosu-Uthman, Habibat. "Islam, Gender, and Development." *Ijus: International Journal of Umranic Studies* 3, no. 2 (2020): 13-20. <https://doi.org/10.59202/ijus.v3i2.502>.
- Pitrotussaadah, Pitrotussaadah, Eva Fadhilah & Faisal Zulfikar. "Islamic Law and Gender: A Misconception of Roles and Responsibilities in Parenting." *De Jure: Jurnal Hukum dan Syar'iah* 15, no. 2 (2023): 331-342.
- Prasutia, Putri Reginata & Nina Nursari. "Konsep Tarbiyah Rabbaniyah dalam Keluarga Menurut al-Qur'an dan Relevansinya Terhadap Pola Asuh Anak Berlandaskan Ajaran Islam." *Islamica* 8, no. 1 (2024): 11-22.
- Reyes, A. M., & Patterson, S. E. "Dynamics of Family Exchanges: How Life Course Transfers Influence Support from Adult Children." *Research on Aging*, 47, no. 7-8 (2025): 346-360. <https://doi.org/10.1177/01640275251321485>.

- Rosidi, Mohd Harifadilah, Ahmad Wifaq bin Mokhtar & M. N. A. Majid. "The Role of Maqasid al-Shari'ah as a Fundamental Ethics in Social Media Use." *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 12, no. 4 (2022): 1285-1301. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v12-i4/13044>.
- Rozy, Yahya Fathur & Andri Nirwana An. "Penafsiran" La Taqrabu al-Zina" dalam QS. Al-Isra' Ayat 32 (Studi Komparatif antara Tafsir Al-Azhar Karya Buya Hamka dan Tafsir Al-Mishbah Karya M. Quraish Shihab)." *Qist: Journal of Quran and Tafseer Studies* 1, no. 1 (2022): 65-77.
- Saadon, Mohd Kamarul Khaidzir & Mohamad Haron. "Teori Masalah dalam Sistem Pewarisan Harta Orang Islam: The Theory of Masalah in Muslim's Inheritance System." *Journal of Muwafaqat* 1, no. 1 (2018): 1-17.
- Salami, Farook. "The Maqasid Theory in Imam Ghazali's View: Textual Analytical Study." *Quranica: International Journal of Quranic Research* 3, no. 2 (2012): 178-214.
- Samud, Samud. "Peranan Pemerintah dalam Mensejahterakan Masyarakat Melalui Bantuan Sosial Perspektif Ekonomi Islam." *Al-Amwal: Jurnal Ekonomi dan Perbankan Syari'ah* 10, no. 2 (2018): 215-228.
- Sulaiman, Mohd Fadli & Zaini Nasohah. "Sorotan Literatur Punca Perceraian Awal Perkahwinan di Malaysia (Literature Review's on the Causes of Early Marriage Divorce in Malaysia)." *Bitara International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6, no. 4 (2023): 28-39.
- Sumayyah & Sigit Haryanto. "Parenting in the Qur'anic Perspective". *Jurnal Varidika* 32, no. 2 (2020): 87-96. <https://doi.org/10.23917/varidika.v32i2.11880>.
- Wan Ahmad, Wan Nor Adibah, Adawiyah Ismail & Ahmad Irdha Mokhtar. "Syariah Maqasid Perspective in Preserving Family Institution." *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 22, no. 3 (2021): 17-28.

Wan Chik, Wan Mohd Yusuf, Abdul Wahab Md Ali, Ahmad Jazlan Jusoh & Abdullah Alqari Mohd Zabudin "Konsep Kesejahteraan Keluarga menurut Hadis al-Sa'adah." *Asian People Journal (APJ)* 1, no. 2 (2018): 92-108.

Zalani, Anis. "Stats Dept: Divorces in Malaysia up 43pc in 2022, Marriages Marginally Down." *Malay Mail*, 23 November 2023. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/11/23/stats-dept-divorces-in-malaysia-up-43pc-in-2022-marriages-marginally-down/103752>.